

19/09/1998

Anwar mungkin bertanding di Kubang Pasu

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya berhenti kerana didakwa tidak lagi mahu mendengar nasihat.

Anwar yang dipecat daripada Kabinet dua minggu lalu berkata, rakyat kini mahukan perubahan.

"Sekarang, Anwar Ibrahim secara rasmi menuntut supaya Dr Mahathir berhenti sebagai Perdana Menteri," katanya di pekarangan rumah penyokongnya di Jalan Persiaran Hakim Satu, Batu Buruk dekat sini petang ini.

Malam ini, ketika berucap dalam satu perhimpunan di Stadium Sultan Mohamad Kota Bharu, Kelantan, beliau mengulangi tuntutan supaya Dr Mahathir berundur secara terhormat kerana didakwa sudah hilang sokongan rakyat.

Beliau juga mencemuh pemimpin dan ahli Umno yang didakwa mengikut apa saja cakap Dr Mahathir kerana menganggapnya undang-undang.

"Bagi mereka (ahli Umno), apa yang Dr Mahathir kata, semuanya undang-undang belaka," katanya.

Menurutnya, Dr Mahathir perlu sekali-sekala menerima nasihat orang lain kerana beliau 'bukan tahu segala-galanya'.

Inilah kecambahnya paling keras terhadap Dr Mahathir sejak beliau dilucutkan jawatan daripada Kabinet pada 2 September lalu dan dipecat keahliannya dalam Umno sehari kemudian atas sebab moral yang rendah.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan akan mencabar Dr Mahathir di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah, pada pilihan raya umum akan datang.

Malam ini, Anwar berkata jika beliau tidak dapat bertanding berikutan pelbagai peraturan yang dikenakan bagi menghalangnya, isterinya, Wan Azizah akan bertanding melawan Dr Mahathir.

Anwar juga buat pertama kali mengaku beliaulah yang menyuruh Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, supaya membangkitkan isu kronisme, nepotisme dan rasuah pada Perhimpunan Agung Umno lalu.

Menurutnya, Perdana Menteri marah isu itu dibangkitkan.

"Saya cakap pada dia (Dr Mahathir) janganlah lajak sangat, walau marah Zahid orang ramai dah cakap, dia kata tak boleh," katanya pada perhimpunan selepas solat Jumaat itu.

Bekas Timbalan Perdana Menteri yang menunaikan solat Jumaat di Masjid Tuanku Ampuan Intan Zaharah di Kuala Ibai itu tiba di sini awal pagi tadi selepas berceramah di Kampung Peramu Jaya, Kuantan, malam tadi.

Beliau diiringi isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan anaknya serta penyokongnya, termasuk Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim.

Menurutnya, polis membenarkannya berucap secara aman walaupun tidak diberi permit untuk perhimpunan itu.

Dalam ucapannya, Anwar turut memuji pihak polis kerana memberi kerjasama membenarkannya memberi ceramah di Kuala Terengganu.

(END)